

No. Sebut harga : ARSM/PAAK/SH/01/2015

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan: **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)**
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Kenderaan Jabatan Lori Mobile Aerial Platform Model: ISUZU No. Pendaftaran: WJR 755 Tahun Beli: 2001 Kapasiti Enjin: 8226 s.p Bahan Bakar: Disel Warna: Putih	1	RM 64,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **3 Ogos 2015 hingga 17 Ogos 2015** di antara jam **9.00 pagi hingga 4 petang** di Parkir Kenderaan, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), No.13, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **ARSM/PAAK/SH/01/2015** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Ketua Pengarah
Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
No. 13, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur
Malaysia**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **18 Ogos 2015** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat:

Tarikh: 28-7-2015

Cap: **AZLIKAMIL BIN NAPIAH**
Ketua Pengarah
Agensi Remote Sensing Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya **hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan bersama dokumen seperti berikut:
 - i. Profil syarikat berserta salinan pendaftaran syarikat; atau
 - ii. Salinan kad pengenalan bagi penyebutharga individu.
10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung sebutharga ini, bolehlah berhubung dengan En. Mohd Syaiful bin Mokhtar di talian 03-2696 6929 atau En. Khairil bin Md Zain di talian 03-2696 6934.